



# **KRITERIA PENCALONAN HADIAH BUKU INOVASI MTDC**

Nota:

Segala ketetapan terdahulu berkaitan Hadiah Buku Inovasi MTDC tidak lagi terpakai selepas dokumen ini dikeluarkan.

## 1.0 NAMA PROGRAM

- 1.1 Hadiah ini dinamakan **Hadiah Buku Inovasi MTDC**, sumbangan daripada Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. bagi tesis terbaik berkaitan polisi, insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi/ pengkomersialan/ pemindahan teknologi/ adaptasi teknologi oleh usahawan/ pembiayaan keusahawanan/ pembangunan inkubator/ pembangunan keusahawanan/ pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi/ pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya.

## 2.0 KRITERIA PENCALONAN

- 2.1 Graduan Sarjana dan Doktor Falsafah dalam Penyelidikan Sains Sosial **dan Sains & Teknologi**;
- 2.2 Warganegara Malaysia;
- 2.3 Berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa;
- 2.4 Memperoleh keputusan peperiksaan lisan berstatus samada Baik atau Cemerlang sahaja;
- 2.5 Melengkapkan pengajian dalam tempoh:
- Sarjana: tidak melebihi 6 Semester;
  - Doktor Falsafah: tidak melebihi 12 Semester;
- 2.6 Menghasilkan output penyelidikan seperti berikut:
- Penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi (WoS/Scopus) atau terindeks; atau
  - Prosiding terindeks; atau
  - Bab dalam buku; atau;
  - Lain-lain kecemerlangan (memenangi anugerah yang berkaitan).
- 2.7 Tesis yang dikemukakan mestilah yang berkaitan dengan:
- Polisi, Insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi; atau
  - Pengkomersialan/pemindahan teknologi; atau
  - Adaptasi teknologi oleh usahawan; atau
  - Pembiayaan keusahawanan; atau
  - Pembangunan inkubator; atau
  - Pembangunan keusahawanan; atau
  - Pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi; atau
  - Pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya; atau
  - **Pembangunan teknologi mendalam; atau**
  - **Pembangunan teknologi pelaburan; atau**
  - **Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs); atau**
  - **Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).**
- 2.8 Calon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib Universiti dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan salah laku penyelidikan.

### 3.0 HADIAH

- 3.1 Hadiah dalam bentuk wang tunai **RM1,000.00** (Ringgit: Satu Ribu Sahaja) dan hadiah buku bernilai **RM500.00** (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).
- 3.2 Hanya satu pemenang akan dipilih pada setiap tahun.

### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Sekretariat bagi Hadiah Buku Inovasi MTDC adalah Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Sekolah Pengajian Siswazah UTM, Pusat Siswazah UKM dan Institut Pengajian Siswazah UiTM.
- 4.2 Fakulti/Institut perlu mengemukakan pencalonan yang diperakukan kepada pihak sekretariat iaitu Sekolah Pengajian Siswazah, UPM / Sekolah Pengajian Siswazah, UTM / Pusat Siswazah UKM / Institut Pengajian Siswazah, UiTM.
- 4.2 Pencalonan akan dinilai oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti dengan keahlian yang terdiri dari:
  - Wakil universiti;
  - Wakil Sekolah Pengajian Siswazah/Pusat Siswazah/Institut Pengajian Siswazah.
  - Wakil Fakulti/Institut yang dilantik; dan
  - Wakil MTDC.Jawatankuasa bertanggungjawab membuat penilaian dan pemilihan calon yang akan dimajukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti untuk diperaku.
- 4.3 Nama pemenang **Hadiah Buku Inovasi MTDC** akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen universiti.
- 4.4 Satu salinan tesis perlu dikemukakan kepada pihak MTDC untuk rujukan dan rekod.

Dikeluarkan Oleh:  
Jabatan Teknologi Inkubator  
Malaysian Technology Development Corporation

1 November 2023